

PNB penaja utama Pesta Konvo USIM

KUALA LUMPUR 5 Nov. - Pesta Konvo Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kali ke-12 mendapat tajaan utama daripada syarikat korporat tempatan, Permodalan Nasional Berhad (PNB) bagi menjayakan program tersebut.

Ketua Perhubungan Awam Islamic Convention Entrepreneurs 10 (Iceps10), Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) USIM, Kamil Afiq Mashruddin berkata, pelbagai aktiviti bakal diadakan pada pesta konvo berkenaan.

Antaranya pertandingan nasyid, pertunjukan dan pameran kereta dan motosikal, pertandingan rancangan perniagaan, pertandingan qasidah, konsert dan Simposium Ekonomi Kebangsaan (NES 2014) serta penampilan



khas selebriti seperti Pencetus Ummah (PU) Rahmat dalam Forum Pemuda dan Perubahan.

“Pesta konvo kali ini di bawah kelolaan pelajar tahun empat daripada FEM yang dibantu oleh pihak universiti dan akan diadakan di pekarangan Kompleks Sukan Tunku Najihah.

“Kami juga akan memastikan pesta konvo yang bakal berlangsung selama empat hari bermula 13 hingga 16 November ini lebih

meriah berbanding tahun lepas,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau menambah, selain PNB, penaja yang turut terlibat ialah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Stormriders, Mamayaya, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam), Bank Kerjasama Rakyat Berhad (Bank Rakyat), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (Yapiem), A&W, Putrajaya Cruise dan Puncak Optometri.

Mereka yang berminat mendapatkan maklumat lanjut dan memberikan tajaan, boleh terus menghubungi Nurul Azimi Za'man di talian 017-6221895 atau layari laman web: iceps10.usim.edu.my.